



**JAWATAN** : **PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN (GRED U1)**  
**GRED** : **U1**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**JADUAL GAJI:**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM1,500.00	RM 4,680.00	RM100.00

**ELAUN:**

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM350.00

**SYARAT LANTIKAN:**

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,500.00)

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN:**

- Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
- Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
- Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
- Sahsiah:
  - i.* Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii.* Berketerampilan baik dan kemas.
  - iii.* Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - iv.* Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - v.* Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vi.* Komitmen kerja yang sangat tinggi.

- vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
- viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
- ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

## **DESKRIPSI TUGAS**

Membantu perkhidmatan kesihatan primer pusat kesihatan seperti rawatan, pencegahan dan pemulihan serta aktiviti promosi bagi menaikkan taraf kesihatan yang optimum bagi mewujudkan persekitaran kampus yang sihat dan selamat kepada semua warga kampus

1. Membantu di Unit Rawatan, Kecemasan, Farmasi, Fisioterapi, Makmal Diagnostik, Pergigian dan Hemodialisis.
2. Melakukan tugas *oncall* dan tunggu sedia selepas waktu kerja.

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR berukuran pasport.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

**Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)**  
**Bahagian Sumber Manusia,**  
**Universiti Teknologi Malaysia,**  
**81310 Johor Bahru**